Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap

Membuat dan menerima pembayaran melalui saluran digital telah menjadi lebih senang dan mudah diakses. Dengan kemajuan teknologi yang lebih meluas, pembayaran digital kini lebih selamat, senang dan segera.

Keutamaan Bank pada tahun 2022 adalah untuk memastikan perkhidmatan pembayaran dan perniagaan perkhidmatan wang (*money services business,* MSB)[1] kekal selamat, cekap dan boleh dipercayai. Bank bekerjasama secara aktif dengan industri untuk mengurangkan jurang penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran) dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem pembayaran. Usaha ini telah mengekalkan pertumbuhan penggunaan pembayaran digital yang kukuh dalam kalangan isi rumah dan perniagaan. Bank juga memperuntukkan sumber yang banyak bagi memastikan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan serta infrastruktur pembayaran utama sesuai dengan tujuannya, sejajar dengan keperluan ekonomi semasa dan masa hadapan.

Mengekalkan pendigitalan perkhidmatan pembayaran dan MSB yang lebih meluas

Perkembangan utama perkhidmatan pembayaran dan MSB

Pada tahun 2022, transaksi e-pembayaran meningkat sebanyak 31.5% (2022: 9.5 bilion; 2021: 7.2 bilion) sejajar dengan perkembangan yang berterusan dalam penggunaan swasta berikutan pemulihan dalam aktiviti perniagaan dan pelancongan. Secara purata, setiap rakyat Malaysia membuat 291 transaksi e-pembayaran pada tahun 2022 (Gambar Rajah 1).

Dua pertiga daripada transaksi kad kini dilakukan secara tanpa sentuhan. Hasil daripada pelbagai inisiatif yang diterajui industri untuk menggalakkan penggunaan pembayaran melalui kod QR sebagai kaedah pembayaran dengan kos yang berkesan, penerimaan DuitNow QR juga semakin meluas dalam kalangan peniaga, khususnya PKS (2022: 1.6 juta peniaga; 2021: 1.1 juta peniaga). Dengan kemudahan yang lebih baik diberikan kepada pengguna, perkembangan ini terus membuka peluang untuk pemacuan selanjutnya dalam penggunaan e-pembayaran pada masa hadapan.

Penggunaan cek terus menurun pada tahun 2022 (46.1 juta; 2021: 48.3 juta). Sementara itu, pengeluaran wang tunai daripada Mesin Juruwang Automatik (Automated Teller Machine, ATM), yang lazimnya digunakan sebagai proksi kepada penggunaan wang tunai, meningkat secara sederhana kepada 798.5 juta transaksi bernilai RM404.7 bilion (2021: 779.6 juta; RM386.3 bilion). Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan tahunan bagi pengeluaran wang tunai daripada ATM kekal di bawah paras sebelum pandemik[2], lantas mencerminkan peralihan secara beransur-ansur daripada penggunaan wang tunai.

Perkhidmatan pengiriman wang elektronik (e-pengiriman wang) yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan pengiriman wang bukan bank berlesen (*remittance service provider*, RSP) terus mendapat tarikan dalam kalangan pengguna (Gambar Rajah 2). Transaksi e-pengiriman wang mencakupi 44.9% daripada keseluruhan transaksi pengiriman wang ke luar negara yang dibuat melalui RSP. Keadaan ini didorong oleh keinginan pelanggan untuk mencari cara mengirim wang ke luar negara yang cepat, mudah dan pada kos yang lebih rendah. Sementara itu, jumlah pengiriman wang ke luar negara[3] meningkat sebanyak 10.5% kepada RM28.5 bilion (2021: RM25.8 bilion), didorong oleh transaksi pengiriman wang yang lebih tinggi oleh pekerja asing apabila ekonomi mula kembali pulih pada tahun 2022. Pembukaan semula ekonomi juga menyaksikan kedatangan pelancong antarabangsa secara beransur-ansur, lantas menyumbang kepada pemulihan yang ketara dalam perniagaan pengurupan wang dan mata wang borong.

[1] Perkhidmatan MSB termasuk kiriman wang, pengurupan wang dan mata wang borong.


[2] Antara tahun 2015 sehingga 2019, kadar pertumbuhan purata tahunan bagi jumlah dan nilai pengeluaran wang tunai daripada ATM masing-masing berada pada 4.4% dan 4.9% berbanding tahun 2022 (jumlah: 2.4%, nilai: 4.7%).

[3] Ditawarkan oleh RSP bukan bank sahaja.

Gambar Rajah 1: Petikan Pembayaran Digital




*Purata transaksi e-pembayaran yang dibuat oleh setiap rakyat Malaysia pada tahun 2022



[1] Wang elektronik berasaskan rangkaian yang membolehkan pengguna melakukan transaksi melalui Internet, telefon bimbit atau peranti elektronik yang lain

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Petikan Perniagaan Perkhidmatan Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memupuk ekosistem pembayaran yang lebih memberangsangkan

Bank telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan rangka kerja pengawalseliaan menyokong pembangunan ekosistem pembayaran yang memberangsangkan, boleh dipercayai, cekap serta inovatif.

Pada tahun 2022, Bank telah menambah baik keperluan pengawalseliaan di bawah Dokumen Dasar Rangka Kerja Kad Pembayaran.[4] Perubahan ini diperkenalkan untuk menggalakkan penerimaan pembayaran kad yang lebih meluas dalam kalangan peniaga:

(i) Had fi pertukaran[5] telah disemak untuk mencerminkan kos pemprosesan semasa yang ditanggung oleh penyedia perkhidmatan pembayaran. Fi pertukaran maksimum yang boleh dikenakan oleh pengeluar kad adalah bertujuan untuk memastikan penerimaan penggunaan kad kekal mampu milik bagi peniaga dan pada masa yang sama dapat menampung kos langsung yang ditanggung oleh penyedia perkhidmatan pembayaran dalam menyediakan kemudahan kad pembayaran.

(ii) Peniaga kini boleh memilih jenis kad pembayaran yang ingin diterima. Penyedia perkhidmatan pembayaran tidak boleh lagi meminta peniaga menerima semua jenis kad yang dikeluarkan. Keadaan ini akan membolehkan peniaga menguruskan kos dengan lebih baik kerana setiap kad pembayaran tertakluk pada struktur kos yang berbeza.

(iii) Pemegang kad akan meraih manfaat daripada ketelusan yang lebih tinggi terhadap amalan surcaj[6] dan jumlah transaksi minimum yang mungkin dikenakan kepada transaksi kad pembayaran. Memandangkan amalan ini ditetapkan oleh industri[7], pengendali skim, pengeluar kad dan pemeroleh peniaga perlu masing-masing menambah baik penzahiran mereka serta saluran untuk pemegang kad membuat aduan tentang sebarang amalan yang tidak adil oleh peniaga. Sebagai tindak balas, industri telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan mendidik pemegang kad tentang hak-hak mereka serta saluran yang bersesuaian untuk membuat aduan.

Selaras dengan inovasi kad pembayaran yang semakin berkembang, pemegang kad kini juga boleh mengesahkan transaksi kad pembayaran dengan



Pembayaran tanpa sentuhan membolehkan pelanggan membayar dengan mengimbas jam tangan pintar mereka dan membuat pengesahan melalui kod laluan di terminal pembayaran

[4] Terpakai untuk kad pembayaran, termasuk kad debit, kad kredit dan kad prabayar.

[5] Fi pertukaran ialah fi yang perlu dibayar antara bank peniaga dengan bank pemegang kad sebagai pampasan kepada bank pemegang kad untuk kos yang ditanggung semasa transaksi kad pembayaran.

[6] Fi yang dikenakan oleh peniaga kepada pemegang kad sebagai tambahan pada jumlah pembelian untuk transaksi yang dibuat menggunakan kad pembayaran.

[7] Surcaj dan jumlah transaksi minimum adalah tertakluk pada peraturan pengendali skim.

selamat melalui peranti peribadi (seperti telefon bimbit atau jam tangan pintar). Hal ini merupakan alternatif yang lebih pantas berbanding dengan pengesahan menggunakan Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number, PIN) di terminal pembayaran dan pada masa yang sama memastikan pelaksanaan perlindungan yang sesuai selaras dengan keperluan kehematan yang ditetapkan oleh Bank.

Untuk pembayaran mudah alih, Bank mendapati bahawa terdapat peningkatan kerjasama antara pengeluar wang elektronik (*e-money issuer*, EMI)[8] dengan penyedia perkhidmatan kewangan lain. Pelanggan kini boleh mengakses lebih banyak produk kewangan melalui aplikasi atau platform e-dompet seperti kiriman wang, insurans mikro, pembiayaan mikro dan pelaburan mikro. Perkongsian strategik ini dijangka akan meningkatkan tawaran nilai EMI dan memberikan akses kepada penyelesaian kewangan yang lebih meluas kepada orang ramai, termasuk segmen yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Sejak tahun 2020, Bank telah membenarkan RSP bukan bank untuk mengendalikan Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, e-KYC). Langkah ini telah membantu mengatasi cabaran utama dalam penggunaan saluran kiriman wang rasmi kerana pelanggan tidak lagi perlu melawat premis RSP secara fizikal. Hal ini juga telah membolehkan RSP untuk mempertingkatkan penawaran perkhidmatan digital. Sejak itu, pelbagai produk baharu dan perkhidmatan nilai tambah perniagaan-ke-perniagaan (*business-to-business*, B2B) telah diperkenalkan oleh RSP bukan bank (Gambar Rajah 3) berikutan persaingan yang semakin meningkat. Keadaan ini lantas memberikan manfaat kepada pelanggan melalui pilihan yang lebih banyak, perkhidmatan yang disesuaikan khusus untuk pelanggan dan kos yang kompetitif.

Memastikan perkhidmatan pembayaran yang selamat dan berdaya tahan


Tindak balas dasar terhadap risiko baru muncul dan pembangunan pasaran

Pada tahun 2022, Bank mengeluarkan empat dokumen dasar untuk memperkukuh ekosistem pembayaran dan MSB. Dasar-dasar ini bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan dan kecekapan perkhidmatan pembayaran, mengukuhkan perlindungan pengguna dan mengekalkan keyakinan orang awam. Sorotan daripada terbitan dasar ini diringkaskan dalam Gambar Rajah 4.

Meningkatkan pengawasan terhadap perkhidmatan pembayaran

RENTAS[9] (sistem pembayaran borong Malaysia) dan sistem pembayaran runcit utama yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) kekal berdaya tahan dan mencatatkan tahap ketersediaan sistem yang tinggi sepanjang tahun 2022. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk kekal berdaya tahan, Bank telah melaksanakan

Gambar Rajah 3: Produk Digital Baharu yang Ditawarkan dalam Ruang Kiriman Wang




Sumber: Bank Negara Malaysia

[8] Kini, terdapat lebih 30% EMI yang diluluskan untuk menawarkan jualan silang produk kewangan.

[9] Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata.

Gambar Rajah 4: Dokumen Dasar Diterbitkan pada Tahun 2022



[1] Prinsip-prinsip Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI) oleh Committee on Payments and Market Infrastructures (CPMI) dan International Organization of Securities Commissions (IOSCO)

Sumber: Bank Negara Malaysia

beberapa inisiatif penting untuk mengukuhkan lagi pengaturan penyeliaan, iaitu:

- Menyelaraskan kehendak terhadap RENTAS dengan standard pengurusan risiko[10] yang terpakai untuk infrastruktur pasaran kewangan (*financial market infrastructure*, FMI)[11] lain.
- Menetapkan Platform Pembayaran Runcit (Real-time Retail Payments Platform, RPP)[12] sebagai sistem pembayaran yang ditetapkan berkuat kuasa pada 10 Februari 2023 memandangkan saiz pasaran dan kepentingan sistemiknya. Penetapan tersebut memberikan Bank kuasa perundangan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

[10] Hal ini termasuk dokumen dasar mengenai Pengurusan Risiko dalam Teknologi, Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dan Pengendali Sistem Pembayaran.

[11] Bank memiliki, mengendalikan dan menyediakan sokongan infrastruktur dan teknologi untuk RENTAS sejak 1 Julai 2021. Di bawah Prinsip-prinsip Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI) yang dikeluarkan oleh Committee on Payments and Market Infrastructures (CPMI) dan International Organization of Securities Commissions (IOSCO), prinsip ini boleh digunakan secara berbeza dalam keadaan luar biasa apabila FMI dikendalikan oleh bank pusat kerana keperluan yang ditetapkan dalam undang-undang, peraturan atau dasar yang berkaitan.

[12] RPP ialah infrastruktur pembayaran perkongsian yang dikendalikan oleh PayNet yang membolehkan pembayaran dilakukan dengan segera dan lancar antara akaun-akaun bank dengan e-wang yang menyertai RPP.

untuk mengambil tindakan apabila perlu bagi mengukuhkan daya tahan RPP terhadap kejutan kewangan dan gangguan operasi. Kuasa ini merangkumi pengeluaran arahan kepada peserta RPP dan pengambilalihan operasi RPP dalam keadaan luar daripada kebiasaan.
- Meningkatkan kerjasama dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan PayNet. Usaha bersama ini bertujuan untuk merangka strategi penyelarasan bagi memastikan akses berterusan kepada FMI utama untuk membolehkan resolusi institusi kewangan bermasalah secara teratur.

Bank juga memberikan tumpuan pada pengawasan penyeliaan dan semakan tematiknya kepada tiga bidang utama, iaitu kecukupan kawalan keselamatan siber, pengurusan secara efektif penyedia perkhidmatan kritikal (*critical service provider*, CSP) dan keberkesanan pengurusan kesinambungan perniagaan (*business continuity management*, BCM). Langkah-langkah kawalan oleh pengendali sistem pembayaran (*payment system operator,* PSO) utama didapati mencukupi untuk memastikan tahap ketersediaan sistem yang tinggi. PSO utama juga terus mengukuhkan kawalan dalaman mereka dengan melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai sebahagian pelan hala tuju yang lebih meluas untuk meningkatkan daya tahan siber FMI. PSO tersebut juga terus menambah baik dasar dan prosedur untuk pengurusan CSP yang lebih kukuh, selaras dengan saranan oleh CPMI.[13]

Risiko dan kerumitan landskap perkhidmatan pembayaran telah bertambah seiring dengan perkembangan pembayaran runcit dan rentas sempadan yang pesat. Keadaan ini memerlukan tumpuan yang lebih besar terhadap usaha memelihara keselamatan dan integriti industri pembayaran dan MSB. Sebagai contoh, penawaran produk oleh EMI, pemeroleh peniaga dan pemegang lesen MSB mungkin menjadi saluran untuk aktiviti haram termasuk fraud, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF).[14] Pada tahun 2022, Bank mengeluarkan 48 surat penyeliaan kepada entiti MSB berlesen dan entiti pembayaran yang diluluskan. Bank juga mengadakan libat urus dengan industri untuk mengukuhkan tahap pematuhan bagi menangani jurang dalam kehendak penyeliaan. Untuk pelanggaran undang-undang dan keperluan Bank yang lebih serius, Bank telah mengambil tindakan punitif yang antaranya menyebabkan kebenaran untuk menjalankan perniagaan bagi sembilan entiti dibatalkan pada tahun 2022.

Memupuk kesedaran dan keyakinan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan pembayaran

Bank kekal memberikan tumpuan pada inisiatif untuk meningkatkan penerimaan pembayaran digital di Malaysia dengan memelihara keyakinan terhadap keselamatan dan kemudahan membuat pembayaran digital. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama penyedia perkhidmatan pembayaran, pihak berkuasa persekutuan dan tempatan, serta pihak berkepentingan merentasi pelbagai sektor ekonomi seperti sektor runcit, pendidikan dan pelancongan (Gambar Rajah 5).


Untuk melengkapi program jangkauan komuniti sasaran yang sedia ada, Bank juga mempergiat penggunaan media sosial bagi mempromosikan penggunaan e-pembayaran yang selamat kepada orang ramai. Enam video kesedaran menggunakan dialek tempatan telah diterbitkan untuk mempromosikan penggunaan e-pembayaran yang selamat dalam aktiviti harian. Berikutan pembukaan semula sempadan dan sektor pelancongan antarabangsa, orang ramai juga telah diingatkan supaya hanya berurusan dengan pengurup wang yang sah apabila membuat pertukaran mata wang serta mengetahui cara-cara untuk mengenal pasti pengurup wang yang sah (Gambar Rajah 6). Bersempena dengan Bulan Literasi Kewangan (Financial Literacy Month, FLM) pada bulan Oktober 2022, Bank telah melancarkan kempen e-Duit[15]

[13] Lampiran F untuk Prinsip-prinsip Infrastruktur Pasaran Kewangan yang dikeluarkan oleh CPMI menggariskan lima kehendak pengawasan untuk CSP iaitu, pengenalpastian dan pengurusan risiko, keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan daya tahan, perancangan teknologi dan komunikasi dengan pengguna.

[14] Butiran lanjut mengenai penilaian sektoral boleh didapati dalam Laporan Tahunan BNM 2022, Bab 1.7 Mengekalkan Integriti Kewangan.

[15] Butiran lanjut mengenai kempen boleh didapati melalui laman sesawang Bank: https://www.bnm.gov.my/eduit

Gambar Rajah 5: Penggunaan e-Pembayaran yang Diperluas melalui Pendaftaran Peniaga Baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 6: Kaedah untuk Mengenal Pasti Pengurup Wang Berlesen



Sumber: Bank Negara Malaysia





Video bertajuk 'Pasar Pagi pun dah Guna QR', 'Mudahnya dengan Kad Debit', dan 'Transfer kan Senang' merupakan beberapa contoh video yang dimuat naik menerusi saluran rasmi YouTube Bank dan laman Facebook Sahabat Pantai Timur

dengan kerjasama industri untuk meningkatkan kesedaran serta mendidik orang ramai tentang penggunaan e-pembayaran secara selamat bagi menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas. Usaha ini dilakukan melalui program jangkauan dan kempen pendidikan yang menggariskan manfaat pembayaran digital iaitu selamat, senang dan segera, serta penggunaannya yang bertanggungjawab.



Pelancaran kempen e-Duit oleh Timbalan Gabenor Datuk Abdul Rasheed Ghaffour di pameran yang diadakan di IPC Shopping Centre Mutiara Damansara, bersempena dengan penutupan FLM 2022

Memperkasakan Komuniti melalui Perkhidmatan Kewangan Digital



Hujan lebat turun berterusan sejak seminggu yang lalu. Cikgu Har agak resah. Wang tunai untuk Cikgu Har membeli barangan keperluan semakin berkurang. Dia terfikir sama ada mahu menaiki bot ke Kuala Terengganu dalam cuaca buruk ini untuk mengeluarkan wang tunai atau menerima sahaja tawaran seseorang untuk mengeluarkan wang bagi pihaknya. Cara ini menjadi amalan sesetengah penduduk lain di Pulau Redang.

Namun, dia pernah mendengar rungutan tentang kos yang mahal untuk mengupah seseorang mengeluarkan wang tunai. Adakalanya orang yang diupah mengeluarkan wang lebih daripada jumlah yang diminta. Cikgu Har juga tahu bahawa dia tidak sepatutnya memberikan kad ATM atau berkongsi nombor pengenalan diri (personal identification number, PIN) dengan orang lain. Tindakan ini akan membolehkan orang lain mengakses akaunnya.



Di kawasan lain di Pulau Redang pula, Kak Zura, seorang pemilik kedai runcit kecil, juga bimbang. Dia banyak menerima wang kertas yang telah koyak dan rosak serta tidak lagi sesuai untuk digunakan. Dia perlu membayar pembekalnya petang nanti tetapi dia tidak mempunyai wang tunai yang mencukupi. Dia juga takut kehilangan wang tunai semasa dalam perjalanan dari kedainya ke jeti yang agak jauh, terutamanya apabila gerak-gerinya diperhatikan oleh orang yang tidak dikenali.

Redang: Pulau Tanpa Tunai

Keadaan sebenar yang dialami oleh penduduk tempatan di Pulau Redang ini mendorong mereka untuk menggunakan pembayaran digital dan seterusnya menjadikan kawasan tumpuan pelancong ini sebagai pulau tanpa tunai. Kisah mereka ini juga menunjukkan bahawa penggunaan e-pembayaran dapat memudahkan aktiviti pembayaran harian, menambah baik kualiti kehidupan serta meningkatkan kecekapan pembayaran terutamanya di kawasan yang kurang mendapat akses kepada kemudahan kewangan.

Berikutan cabaran yang dihadapi oleh penduduk Pulau Redang ini, program "*Bayo Dok Gune Pitih*" (bayar tanpa menggunakan wang tunai) telah diperkenalkan di pulau tersebut sejak tahun 2018. Program ini melibatkan kerjasama antara Bank, kerajaan negeri Terengganu dan peserta industri kewangan. Bagi menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas dalam kalangan penduduk dan perniagaan tempatan, pendekatan serampang tiga mata telah diambil bagi memastikan penggunaan digital berterusan serta inklusif di seluruh pulau:

a) memastikan infrastruktur disediakan bagi memudahkan penyertaan pelanggan;
b) meningkatkan tahap celik digital dan celik kewangan bagi mendorong penggunaan e-pembayaran yang selamat dan berkesan dalam usaha mengoptimumkan manfaatnya; dan
c) menggalakkan penggunaan lebih meluas dan meningkatkan keyakinan terhadap e-pembayaran dengan kerjasama pemimpin masyarakat setempat dan pelbagai pihak berkepentingan lain.

Gambar Rajah 1: Pendekatan Serampang Tiga Mata yang Diambil bagi Menggalakkan e-Pembayaran di Pulau Redang

Ketersediaan infrastruktur

- Peserta industri pembayaran iaitu PayNet, Maybank dan Hong Leong Bank bekerjasama dengan Bank untuk memberikan sokongan dan insentif. Kerjasama ini termasuk pemberian manfaat berbentuk monetari semasa pendaftaran, serta pengurangan kos penerimaan e-pembayaran untuk peniaga tempatan. Sekitar 50 terminal kad dan kod QR turut diberikan bagi membolehkan pembayaran menggunakan kad dan seterusnya pembayaran secara DuitNow QR di Pulau Redang.
- Sebelum program ini dilaksanakan, pihak berkuasa telah membina menara rangkaian di Pulau Redang. Usaha ini sekali gus dapat menyokong sambungan Internet yang lebih stabil di seluruh pulau lantas memastikan pelaksanaan dan penggunaan e-pembayaran yang lancar.

Celik digital & celik kewangan

- Pelbagai sesi perbincangan dan interaksi telah dijalankan untuk membiasakan komuniti setempat dengan infrastruktur e-pembayaran serta untuk mendidik mereka mengenai penggunaan e-pembayaran secara selamat.

Sokongan daripada pemimpin komuniti

- Pemimpin komuniti, pegawai daripada pihak berkuasa tempatan dan wakil pejabat ahli parlimen mengadakan pelbagai sesi perbincangan dan interaksi dengan masyarakat setempat untuk membiasakan dan menggalakkan penggunaan e-pembayaran secara selamat serta memperkenalkan manfaat penggunaan e-pembayaran.
- Aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan bersama masyarakat setempat seperti pembersihan surau dan balai raya serta pemberian sumbangan barangan keperluan berikutan pandemik COVID-19 turut membantu dalam usaha meraih sokongan padu penduduk tempatan Pulau Redang terhadap program ini.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Usaha-usaha untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran di Pulau Redang telah membuahkan hasil yang sangat jelas pada hari ini. Sekurang-kurangnya 73% peniaga dan perniagaan kecil di seluruh pulau telah menggunakan e-pembayaran. Kebanyakan komuniti lain juga sedang dalam proses peralihan kepada penggunaan e-pembayaran. Selain itu, transaksi kad debit yang bernilai kira-kira RM65,000 kini dilakukan melalui peniaga-peniaga di pulau ini setiap bulan. Jumlah ini adalah sekali ganda daripada jumlah yang dicatatkan ketika inisiatif ini mula diperkenalkan.



Cikgu Har kini tidak lagi bimbang mengenai akses kepada wang tunai kerana dia sudah boleh menggunakan e-pembayaran untuk membeli barangan keperluan. Lebih penting lagi, Cikgu Har juga berasa lega kerana tidak perlu berkongsi maklumat perbankan peribadinya dengan orang lain. Kini, dia sentiasa mempunyai akses langsung kepada wang dalam akaunnya untuk digunakan.



Bagi Kak Zura pula, peralihan kepada e-pembayaran bukan sahaja memudahkan urusannya, malah turut melindunginya daripada kemungkinan mengalami kerugian kewangan disebabkan oleh wang kertas yang telah rosak atau tersalah letak. Kak Zura tidak lagi perlu membayar pembekalnya secara tunai di jeti. Dia kini boleh membuat pembayaran dengan selesa dari rumah. Dia juga boleh menyimpan rekod transaksi jualan secara teratur dengan adanya penyata bank. Rekod tersebut juga boleh membantu Kak Zura mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan untuk mengembangkan perniagaannya kelak.

Penggunaan e-pembayaran di Pulau Redang untuk transaksi yang lebih selamat dan cekap menyediakan rangka tindakan yang berguna untuk dicontohi oleh pihak lain. Inisiatif dan kerjasama yang serupa telah diteruskan untuk mendigitalkan pembayaran di kawasan lain di seluruh Malaysia seperti di Pasar Besar Siti Khadijah yang terletak di Kota Bharu dan pasar-pasar basah di Pulau Pinang. Apabila trend ini diperluas ke seluruh Malaysia, lebih banyak individu akan mendapat manfaat daripada peningkatan kecekapan, kemudahan dan keselamatan yang ditawarkan oleh e-pembayaran.

Gambar Rajah 2: Video 'Redang: Sebuah Pulau Inklusif' Merekodkan Kejayaan Program Jangkauan ini[1]



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kempen e-Duit

Kejayaan menggunakan pendekatan secara berstruktur di Redang mengilhamkan pelancaran kempen e-pembayaran di seluruh negara, iaitu kempen **e-Duit!: Selamat, Senang, Segera** oleh Bank dan industri kewangan pada bulan Oktober 2022. Kempen ini bertujuan untuk menyelaraskan inisiatif e-pembayaran oleh sektor awam dan swasta di seluruh negara. Usaha ini diambil bagi mengekalkan trend pertumbuhan e-pembayaran yang positif untuk mencapai sasaran kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (*compounded annual growth rate*, CAGR) transaksi e-pembayaran melebihi 15% seperti yang ditetapkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022-2026.

Gambar Rajah 3: Logo e-Duit




Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Video ini boleh ditonton melalui pautan yang berikut: https://www.youtube.com/watch?v=tGiOArZL_Cs

Komponen utama kempen e-Duit adalah untuk menggalakkan penggunaan amalan keselamatan siber yang baik. Pendidikan mengenai langkah keselamatan siber adalah penting serta akan menjadi ciri utama yang tetap sepanjang kempen ini. Langkah ini membantu memperkukuh daya tahan pengguna bagi menghadapi penipuan kewangan. Tinjauan Bank[2] baru-baru ini mendedahkan bahawa empat daripada 10 responden tidak keberatan untuk berkongsi kata laluan akaun bank mereka dengan ahli keluarga dan rakan rapat. Selain itu, hampir dua pertiga daripada responden tidak memberikan perhatian terhadap ciri-ciri keselamatan laman sesawang bank semasa melakukan transaksi perbankan dalam talian. Melalui kempen e-Duit, Bank akan menggandakan usaha untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna mengenai tindakan yang boleh melindungi mereka daripada penipuan kewangan. Contohnya, jangan sekali-kali berkongsi kata laluan atau memuat turun aplikasi yang sudah dicemari oleh perisian hasad (*malware-compromised*) daripada platform aplikasi tidak rasmi. Maklumat lanjut mengenai penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang selamat boleh didapati dalam rencana Laporan Tahunan 2022 "Jom Berdigital dengan Yakin".[3]

Gambar Rajah 4: Manfaat e-Pembayaran



Sumber: Bank Negara Malaysia


Sepanjang kempen yang akan dilaksanakan sehingga tahun 2026 ini, lebih banyak lagi usaha industri akan diselaraskan bagi merangkumi penyertaan perniagaan baharu dan inisiatif pendidikan terpilih seperti kempen e-DuitDesa serta e-DuitKampus. Inisiatif ini akan dilaksanakan di seluruh negara bagi mempertingkat tahap celik digital dan celik kewangan dalam kalangan pengguna kewangan. Kajian juga sedang dilakukan untuk melaksanakan Hari e-Duit, iaitu penetapan satu hari dalam seminggu untuk menggalakkan orang ramai membuat semua pembayaran menggunakan kaedah digital. Semasa Hari e-Duit berlangsung, para peniaga akan menggalakkan pelanggan untuk menggunakan kaedah e-pembayaran menerusi aktiviti kesedaran serta program-program promosi yang berkaitan dengan penggunaan e-pembayaran.

[2] Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan bagi Tahun 2021 (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/8440087/fsr22h1_bm_box1.pdf).
[3] Rencana "Jom Berdigital dengan Yakin".

Memperteguh infrastruktur pembayaran utama untuk masa hadapan

Industri kewangan kekal berada pada kedudukan yang baik untuk beralih sepenuhnya ke standard ISO 20022 baharu[16] bagi pembayaran domestik dan rentas sempadan (Gambar Rajah 7). Penggunaan ISO 20022 akan meningkatkan kecekapan pembayaran, mengukuhkan pengurusan risiko dan menawarkan penyelesaian nilai tambah yang lebih baik kepada pelanggan. Sejak bulan Jun 2022, RENTAS telah dilengkapi dengan penterjemah berpusat untuk memudahkan penukaran mesej antara standard ISO 15022 sedia ada dengan standard ISO 20022 baharu. Peserta RENTAS mencatatkan kemajuan yang memuaskan dalam melaksanakan peralihan ke standard ISO 20022 bagi transaksi domestik. Kira-kira 30% peserta telah melengkapkan peralihan mereka lebih awal daripada tarikh akhir Julai 2024. Hal ini bermakna mereka sudah boleh menerima dan menghantar mesej ISO 20022 melalui RENTAS. Untuk pembayaran rentas sempadan, SWIFT telah mengumumkan bahawa tarikh mula peralihan ke standard ISO 20022 telah ditangguhkan hingga bulan Mac 2023.[17] Bagi mengurangkan sebarang risiko kelewatan dalam memenuhi garis masa global (November 2025) untuk pembayaran rentas sempadan, Bank telah menetapkan tarikh akhir peralihan penuh yang lebih awal untuk seluruh industri kewangan di Malaysia, iaitu pada bulan Jun 2025. Hal ini sekali gus mengurangkan risiko gangguan terhadap transaksi pembayaran rentas sempadan.

Gambar Rajah 7: Kemajuan pada Peralihan ISO 20022



[1] Mulai November 2022 hingga Mac 2023
[2] Kemungkinan ketidakpatuhan terhadap Cadangan Kumpulan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) 16, apabila institusi kewangan perlu memasukkan maklumat penghantar dan penerima yang tepat dan memastikan semua maklumat kekal tersedia di seluruh rantaian pembayaran untuk mencipta jejak audit AML/CFT
[3] Merujuk kepada institusi kewangan tempatan yang menerima bayaran rentas sempadan daripada institusi kewangan asing dan kemudian menyerahkannya kepada institusi kewangan tempatan lain untuk dikreditkan ke dalam akaun penerima melalui RENTAS
[4] Amalan pasaran global untuk standard pemesejan ISO 20022 bagi pengharmonian penggunaan ISO 20022 untuk sistem pembayaran bernilai tinggi

Sumber: Bank Negara Malaysia

[16] ISO 20022 merupakan standard pemesejan baharu yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk industri kewangan dengan keupayaan data yang dipertingkat, format pemesejan berstruktur dan fleksibiliti untuk disesuaikan dengan teknologi baharu.

[17] Pada Oktober 2022, SWIFT mengumumkan persetujuan untuk menangguhkan permulaan peralihan ISO 20022 untuk pembayaran rentas sempadan dari bulan November 2022 hingga Mac 2023, berikutan permintaan oleh komuniti pengguna SWIFT.

Bank juga melaksanakan usaha untuk memodenkan RENTAS sebagai sebahagian daripada projek berbilang tahun yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022-2026. Inisiatif-inisiatif utama akan dilaksanakan supaya RENTAS terus:

- mengukuhkan daya tahan;
- menggalakkan saling kendali dan kecekapan;
- menyokong persaingan dan inovasi; dan
- menambah baik kefungsian pengguna.

Melalui sesi libat urus yang dijalankan, industri juga telah menggariskan kesukaran dalam proses semasa[18], serta cadangan untuk penambahbaikan sistem dan perkhidmatan. Maklum balas ini lantas menjadi panduan kepada pembangunan pelan hala tuju pemodenan RENTAS. Institusi kewangan secara amnya menyokong cadangan untuk semakan secara menyeluruh terhadap infrastruktur sistem sedia ada, penambahbaikan analisis data dan keupayaan pelaporan, serta pengukuhan pengurusan mudah tunai intrahari.

Cadangan ini bersama-sama dengan maklum balas daripada sesi libat urus yang sedang dijalankan dengan industri juga akan menjadi panduan kepada usaha Bank dalam projek kajian mata wang digital bank pusat (*central bank digital currency*, CBDC) Fasa 2.[19] Fasa 2 ini akan mengkaji potensi CBDC dan teknologi lejar teragih (*distributed ledger technology*, DLT)[20] untuk memperkasa RENTAS bagi masa hadapan. Matlamat Bank adalah untuk menilai sama ada teknologi ini berpotensi untuk mengurangkan isu yang dibangkitkan oleh industri, seperti mengurangkan proses pematuhan secara manual, menyelaraskan proses pengesahan perdagangan menggunakan DLT dan kontrak pintar, serta meneroka kes penggunaan baharu seperti tokenisasi aset (*asset tokenisation*).

Menyokong inovasi yang bertanggungjawab sambil menguruskan risiko baru muncul

Untuk menguruskan potensi risiko baru muncul daripada aset digital di Malaysia, Bank melalui Hab Penyelidikan Mata Wang Digital, memberikan tumpuannya pada bidang utama yang berikut sepanjang tahun 2022:

- menilai potensi risiko aset digital terhadap mandat Bank;
- meningkatkan kapasiti dalaman dan pemahaman tentang aset digital;
- memperkukuh keupayaan pengawasan; dan
- meningkatkan kesedaran orang ramai.

Penilaian Bank menunjukkan bahawa limpahan daripada pasaran aset digital kepada sistem kewangan setakat ini kekal terkawal disebabkan oleh kesalinghubungan yang terhad.[21] Bank meningkatkan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan utama seperti peserta aset digital dan institusi kewangan untuk mendapatkan maklumat dan data pasaran yang lebih terperinci. Sesi libat urus ini juga membolehkan Bank memahami rancangan



Siri penceramah (speaker series) dengan Perdana Fellow Alumni Association



Audio siar (podcast) tentang penggunaan aset digital dengan kerjasama Association of Malaysian Economics Undergraduates (AMEU)

[18] Hal ini termasuk tahap campur tangan manual yang diperlukan dalam semakan pematuhan peraturan dan pengesahan sebelum penyelesaian untuk perdagangan sekuriti.

[19] Hal ini adalah sebahagian daripada kajian berbilang tahun CBDC bermula dengan Projek Dunbar, yang diterajui BIS Innovation Hub Singapore bersama beberapa bank pusat, yang bertujuan untuk menguji penggunaan mata wang CBDC borong melalui platform pelbagai CBDC yang dikongsi bersama.

[20] DLT ialah kaedah penyimpanan maklumat melalui lejar teragih, iaitu salinan data digital berulang yang terdapat di pelbagai lokasi (FSB (2022, hlm. 25)).

[21] Rujuk Rencana Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama BNM 2022 bertajuk 'Keadaan Semasa Aset Digital di Malaysia dan Hubung Kait dengan Kestabilan Kewangan'.

masa hadapan bank-bank dalam ruang aset digital dengan lebih baik. Bank meneruskan kerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti untuk mengenal pasti dan menangani sebarang potensi risiko terhadap kestabilan kewangan yang timbul daripada perkembangan berkaitan aktiviti pasaran aset digital global dan domestik. Bank juga mengadakan sesi perkongsian pengetahuan, terutamanya dengan golongan belia, bagi meningkatkan kesedaran tentang aset digital dan inovasi pembayaran seperti CBDC.

Pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, murah dan mudah

Pada tahun 2022, Bank mempergiat usaha untuk menghasilkan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, murah dan mudah. Inisiatif ini adalah sejajar dengan sasaran global yang ditetapkan di bawah Pelan Hala Tuju G20 untuk Menambah Baik Pembayaran Rentas Sempadan (G20 Roadmap for Enhancing Cross-border Payments).[22] Jalinan sistem pembayaran segera (*instant payment system*, IPS) Malaysia dengan IPS antarabangsa strategik yang lain telah mencapai tahap kemajuan yang ketara. Setakat ini, Bank telah melaksanakan jalinan pembayaran dengan Indonesia, Singapura dan Thailand iaitu negara yang mempunyai hubungan ekonomi yang erat dari segi perdagangan, pelancongan dan pengiriman wang dengan Malaysia. Usaha juga sedang dijalankan untuk mewujudkan jalinan pembayaran dengan Filipina. Dengan jalinan pembayaran ini, pengguna akan dapat melakukan pembayaran QR rentas sempadan dan pemindahan dana rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*, P2P) dengan kos yang lebih rendah serta transaksi yang lebih pantas dan telus. Usaha ini menyokong aspirasi bersama ASEAN untuk mewujudkan sistem pembayaran yang lebih berhubung kait dan meningkatkan integrasi kewangan dan ekonomi yang lebih mantap.

[22] Pelan Hala Tuju G20 ialah sebahagian daripada inisiatif Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan usaha selanjutnya untuk menambah baik sistem pembayaran rentas sempadan dan menghapuskan halangan yang tidak perlu.

Jalinan Pembayaran Rentas Sempadan – Projek Nexus dan Usaha ke Arah Pendekatan Pelbagai Hala

Menjadikan pembayaran runcit dan pemindahan dana rentas sempadan lebih cepat, murah dan telus

Membuat pembayaran atau pengiriman wang di Malaysia kini amat mudah. Sejak perlaksanaan sistem pembayaran segera (*instant payment system*, IPS) pada bulan Disember 2018, pengguna boleh membuat pembayaran runcit domestik hanya secara mengimbas kod QR di premis perniagaan dengan menggunakan DuitNow QR. Pengguna juga boleh mengirim wang kepada penerima dengan segera melalui DuitNow Transfer hanya dengan menggunakan nombor telefon mudah alih penerima tersebut. Walau bagaimanapun, pembayaran dan pengiriman wang ke luar negara masih lagi sukar. Fi dan kadar pertukaran asing mungkin tinggi, tidak telus dan adakalanya, penerima hanya menerima wang selepas beberapa hari.

Bagi memastikan pembayaran rentas sempadan memberikan manfaat yang setara dengan pembayaran domestik pada masa ini iaitu lebih cepat, murah dan lancar, Bank telah berusaha untuk menjalinkan IPS negara kita dengan IPS di beberapa negara jiran. Setakat ini, Bank telah mewujudkan jalinan pembayaran rentas sempadan dua hala dengan Thailand, Indonesia dan Singapura untuk membolehkan pembayaran melalui kod QR. Hal ini membolehkan rakyat Malaysia yang melancong ke negara-negara tersebut membuat pembayaran runcit secara segera hanya dengan mengimbas kod QR yang dipaparkan oleh peniaga di negara-negara itu[1], dan juga sebaliknya. Di samping itu, usaha juga sedang dijalankan untuk membolehkan pengiriman wang secara individu ke individu (*person-to-person*, P2P) antara tiga negara tersebut (Gambar Rajah 1). Hal ini akan membolehkan seseorang pengirim memindahkan dana kepada seseorang penerima di negara lain dengan segera, hanya dengan menggunakan nombor telefon mudah alih atau nombor pengenalan mereka. Semua usaha ini secara kolektif telah menyumbang kepada peningkatan rangkaian pembayaran dalam rantau ASEAN dengan sembilan jalinan[2] yang sudah pun beroperasi.

Gambar Rajah 1: Status Jalinan Pembayaran Dua Hala dengan Malaysia

Negara rakan kongsi	Pembayaran QR rentas sempadan	Kiriman dana P2P rentas sempadan
Thailand 	Sudah beroperasi	Dalam pembangunan
Indonesia 	Sudah beroperasi	Dalam perbincangan
Singapura 	Sudah beroperasi[3]	Dalam pembangunan
Filipina 	Dalam pembangunan	Dalam perbincangan


Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Butiran lanjut mengenai jalinan pembayaran dua hala boleh didapati dalam rencana Laporan Tahunan 2021 mengenai 'Jalinan Sistem Pembayaran Masa Nyata bagi Pembayaran Rentas Sempadan yang Cekap'.
[2] Tujuh jalinan pembayaran QR rentas sempadan: Kemboja-Thailand, Indonesia-Malaysia, Indonesia-Thailand, Malaysia-Thailand, Malaysia-Singapura, Thailand-Singapura dan Thailand-Vietnam.
Dua pemindahan dana P2P: Kemboja-Malaysia dan Singapura-Thailand.
[3] Akan mula beroperasi pada 31 Mac 2023.

Pendekatan pelbagai hala boleh menangani cabaran dalam usaha menghubungkan IPS secara dua hala

Memandangkan rantau ini mempunyai pengalaman dalam usaha mewujudkan jalinan pembayaran rentas sempadan serta manfaatnya yang jelas, minat daripada negara-negara lain untuk mewujudkan jalinan pembayaran dua hala yang baharu dengan negara-negara ASEAN semakin meningkat. Walau bagaimanapun, jalinan pembayaran dua hala dengan berbilang negara yang berbeza adalah sesuatu yang tidak cekap (Gambar Rajah 2) disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, setiap jalinan dua hala memerlukan masa dan sumber yang banyak untuk menyesuaikan jalinan tersebut dengan infrastruktur dan keperluan tempatan. Usaha untuk membangunkan infrastruktur yang sama bagi berbilang negara juga mungkin memerlukan kos yang tinggi. Kedua, setiap jalinan dua hala melibatkan rundingan antara banyak pihak termasuk bank pusat, pengendali IPS, bank dan penyedia perkhidmatan pembayaran lain. Rundingan ini adalah untuk menangani isu-isu operasi seperti pengalaman pengguna dan penyelesaian pembayaran antara bank di kedua-dua negara. Sumber-sumber khusus juga diperlukan untuk membangunkan dan menguji sistem yang baru dibina.

Gambar Rajah 2: Peluasan Jalinan Pembayaran Dua Hala adalah Mencabar Disebabkan oleh Jumlah Usaha dan Sumber yang Diperlukan untuk Membangunkan Setiap Jalinan



2 negara
1 jalinan

3 negara
3 jalinan

20 negara
190 jalinan

Sumber: Bank for International Settlements (BIS)

Menyedari cabaran dalam usaha meningkatkan jalinan pembayaran dua hala, Bank for International Settlements Innovation Hub (BISIH) di Singapura telah membangunkan rangka tindakan[4] untuk rangkaian pembayaran rentas sempadan pelbagai hala. Dikenali sebagai Project Nexus, Bank Negara Malaysia, BISIH, PayNet serta bank pusat dan pengendali IPS di Singapura dan Itali telah menjalankan satu eksperimen selama setahun untuk menguji kebolehlaksanaan model rangkaian pelbagai hala tersebut. Eksperimen yang disempurnakan pada bulan Disember 2022 itu menunjukkan bahawa model pelbagai hala untuk menghubungkan IPS secara teknikalnya boleh dilaksanakan. Pengaturan Nexus ini merangkumi model ujian (atau Nexus Gateway) dan draf peraturan untuk peserta Nexus (atau Nexus Scheme). Nexus Gateway ini berfungsi sebagai platform utama bagi IPS untuk menghubungkan dan menguruskan pembayaran dan pemindahan dana rentas sempadan serta perkara-perkara berkaitan pembayaran seperti penghantaran mesej pembayaran, penukaran mata wang dan saringan pematuhan, dengan segera. Nexus Scheme pula merupakan buku peraturan standard yang menggariskan peranan dan tanggungjawab semua peserta dalam pengaturan Nexus, termasuk pengendali IPS dan penyedia perkhidmatan pembayaran. Skim ini juga menggariskan proses operasi utama model Nexus. Semasa eksperimen dijalankan, pembayaran rentas sempadan berjaya dikreditkan ke dalam akaun penerima dalam masa 60 saat.

Walaupun eksperimen ini menunjukkan pengaturan Nexus boleh dilaksanakan secara teknikal, terdapat faktor lain yang masih perlu dipertimbangkan sebelum Nexus boleh dilaksanakan dalam situasi sebenar. Contohnya, pengaturan tadbir urus untuk entiti yang akan menguruskan dan mengendalikan pengaturan Nexus. Langkah ini termasuk, antara lain, mengenal pasti struktur, komposisi dan mekanisme pengundian yang betul untuk

[4] https://www.bis.org/about/bisih/topics/fmis/nexus.htm


lembaga pengarah yang boleh mewakili kepentingan pelbagai pihak, dan pada masa yang sama memastikan keputusan boleh dibuat dengan cekap. Faktor lain termasuk membangunkan model perniagaan yang berdaya maju untuk bank serta penyedia perkhidmatan pembayaran lain yang menyertai Nexus, dan mewujudkan pengaturan penyeliaan yang sesuai untuk memastikan Nexus kekal selamat dan berdaya tahan.

(Hasil terperinci boleh didapati dalam laporan Projek Nexus[5])

Menjadikan Nexus suatu kenyataan, dengan ASEAN sebagai 'penggerak pertama'

Berdasarkan pengalaman dalam melaksanakan jalinan pembayaran dua hala di rantau ini, usaha ke arah rangkaian pembayaran pelbagai hala merupakan langkah yang seterusnya untuk rantau ASEAN. Bagi merealisasikan visi ini, Bank telah menandatangani Memorandum Persefahaman Rangkaian Pembayaran Serantau dengan bank pusat Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand semasa Sidang Kemuncak G20 di Bali pada bulan November 2022. Kelima-lima negara ini akan mengambil bahagian dalam Projek Nexus pada fasa yang seterusnya, dengan matlamat untuk membolehkan Nexus menjadi model yang berdaya maju dari segi operasi dan komersial menjelang tahun 2025. Projek ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk rantau ini. Pengguna akan dapat menikmati pembayaran dan pemindahan dana yang lebih murah, cepat dan telus antara negara yang mengambil bahagian pada masa hadapan. Projek ini juga dapat mengukuhkan kerjasama perdagangan dan ekonomi antara rantau, di samping mendorong inovasi yang lebih rancak dalam ruang pembayaran. Projek ini dijangka menetapkan tanda aras global bagi infrastruktur pembayaran generasi masa hadapan yang boleh digunakan oleh semua, untuk pembayaran rentas sempadan yang lebih murah dan lebih telus (Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 3: Rangkaian Pembayaran Pelbagai Hala dalam Kalangan Lima Negara ASEAN serta Negara-negara Lain



Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] https://www.bis.org/publ/othp62.pdf



MoU Rangkaian Pembayaran Serantau telah dimeterai oleh Gabenor daripada lima bank pusat (dari kiri: Bank of Thailand, Monetary Authority of Singapore, Bank Indonesia, Bank Negara Malaysia, dan Bangko Sentral ng Pilipinas)

Sumber: Bank Indonesia

Langkah selanjutnya

Pada tahun 2023, Bank akan meneruskan usaha untuk memastikan perkhidmatan pembayaran dan pengiriman wang utama kekal selamat, cekap dan boleh dipercayai. Usaha ini akan dipandu oleh objektif yang terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2022-2026.

Bank komited untuk memperteguh infrastruktur pembayaran negara bagi memenuhi keperluan sistem kewangan dan ekonomi yang berubah-ubah. Bank akan memantau perkembangan pasaran dengan teliti dan melaksanakan dasar atau campur tangan penyeliaan bersesuaian untuk mengurangkan risiko yang bakal dihadapi. Bank juga akan terus mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam sektor awam dan sektor swasta. Usaha ini adalah penting untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang manfaat dan risiko bagi perkhidmatan pembayaran baharu yang semakin berkembang, serta menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab.